

## Manfaat tanah kurangkan kos projek HSR Singapura-Kuala Lumpur

**DALAM** pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan Malaysia meluluskan pelanjutan projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dari Banting, Selangor hingga ke Gelang Patah, Johor.

Ini adalah langkah penting bagi memperbaiki rangkaian pengangkutan di Semenanjung Malaysia, khususnya di bahagian pantai barat. Dalam masa yang sama, projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang dirancang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura masih menjadi

topik hangat terutama mengenai kos pembinaannya yang tinggi.

Kos yang tinggi ini boleh dikurangkan jika kerajaan memanfaatkan tanah yang bakal diperolehi untuk projek Lanjutan WCE bagi merealisasikan pembinaan HSR yang dijangka membawa banyak manfaat kepada ekonomi negara.

Ini boleh dilaksanakan kerana jajaran Lanjutan WCE akan merentas Bandaraya Melaka, Muar dan Batu Pahat manakala cadangan jajaran

HSR asal juga akan merentas bandar yang sama.

Kos pemerolehan tanah biasanya menjadi satu komponen terbesar dalam projek infrastruktur mega termasuk HSR. Kerajaan perlu memperolehi tanah daripada pemilik yang selalunya melibatkan perundingan panjang dan pampasan yang tinggi.

Mengambil kira harga tanah di kawasan pembangunan yang pesat, terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar, ini boleh menyebabkan kos meningkat dengan mendadak.

Dengan menggunakan pendekatan lebih strategik dalam merancang projek HSR, kerajaan boleh mengurangkan kos dengan memanfaatkan tanah yang diperolehi untuk projek Lanjutan WCE.

Projek HSR yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura masih menjadi topik hangat terutama mengenai kos pembinaannya yang tinggi.



*\* Mohamed Ismail Pakir Mohamed ialah Pensyarah Kanan dan Ketua Focus Group Manufacturing Technology Management, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*